

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG (LANANG)**

**SOALAN**

**PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [ LANANG ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah permohonan taraf kewarganegaraan yang melebihi tempoh masa 1 tahun dan langkah yang telah/akan diambil untuk mengendali permohonan tersebut serta tempoh masa yang diperlukan untuk menyelesaikan kes-kes permohonan yang belum menerima keputusan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi tempoh dari tahun 2018 hingga 30 Jun 2020, sebanyak 20,850 permohonan kewarganegaraan di bawah semua Perkara Perlembagaan Persekutuan yang diterima melebihi tempoh masa satu (1) tahun dan sedang diproses. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sedang melaksanakan tindakan segera secara berperingkat terhadap semua permohonan kewarganegaraan yang diterima oleh Kementerian.

Setiap permohonan berkenaan akan diproses dengan teliti dalam memastikan pematuhan syarat-syarat yang ditetapkan dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 [L.N.82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuatkuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, pengangkatan, kesahteraan anak, dan peraturan imigresen. Kementerian juga telah menambahbaik Prosedur Pengendalian Standard (SOP) Permohonan Kewarganegaraan Di Bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan dengan **tempoh pemprosesan yang lebih singkat** bagi **permohonan lengkap** yang diterima mulai tahun 2020.